

22 OCT 2001

Mahathir-Ekonomi

IDEA MALAYSIA MULA DITERIMA ANTARABANGSA, KATA DR MAHATHIR

QING DAO, (China) 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata idea Malaysia berhubung isu ekonomi dan kewangan dunia tidak lagi mendapat tentangan kuat di forum antarabangsa sejak kebelakangan ini.

"Saya fikir tentangan terhadap idea kita tidak begitu kuat seperti sebelumnya," kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau berasa namanya sudah dibersihkan memandangkan ideanya berhubung isu-isu ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dahulunya tidak diterima tetapi kini mula dibincangkan di peringkat antarabangsa.

"Tidak perlu berasa nama sudah dibersihkan. Apa yang penting adalah perkara yang betul telah dilakukan," katanya.

Beliau memberi contoh bahawa langkah untuk memakmurkan negara jiran yang pernah dicadangkannya merupakan langkah yang baik kerana semua pihak akan mendapat kebaikan.

"Kita juga inginkan Amerika Syarikat (AS) makmur. Kita mahu Amerika menjadi kaya. Tetapi bukan sampai untuk mengorbankan kepentingan dan menjual matawang kita," tegasnya.

Mengenai mesyuarat kesembilan Pemimpin Ekonomi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berakhir di Shanghai semalam, Dr Mahathir berkata beliau berasa lebih gembira kali ini.

Menurutnya dulu forum APEC hanya menumpukan terhadap soal pembukaan pasaran tanpa mengambil kira sama ada sesebuah negara itu mampu bersaing dengan ekonomi besar.

"Tetapi pada mesyuarat APEC kali ini langsung tidak disebut soal pembukaan pasaran," katanya.

Walaupun isu keganasan menjadi agenda pada mesyuarat APEC kali ini, Perdana Menteri berkata beliau telah menekankan soal betapa pentingnya untuk membina prasarana seperti laluan kereta api yang dicadangkan dari Singapura ke Kunming, China.

"Jika mereka (negara maju) memberi sumbangan untuk tujuan itu, Asean akan menjadi bertambah kaya dan ia juga baik untuk pelaburan mereka," kata Dr Mahathir sambil menambah bahawa projek itu akan memberi kebaikan kepada pelbagai pihak.

Menurutnya pada mesyuarat APEC kali ini, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien turut mempersoalkan sumbangan Kanada kepada Tabung Kewangan Dunia (IMF) dan Bank Dunia untuk membantu membina prasarana di negara-negara kurang maju yang hasilnya tidak memberangsangkan.

Perdana Menteri berkata beliau juga telah menegaskan bahawa adalah lebih baik untuk membina prasarana daripada menyalurkan bantuan kewangan kepada mana-mana negara.

"Saya fikir sambutannya kali ini lebih baik," katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak pernah meminta bantuan daripada institusi kewangan dunia itu kerana ia akan membantutkan kerja-kerja yang dijalankan.

"Jika kita meminjam mereka akan menyelia setiap peringkat kerja yang kita laksanakan," katanya.

Perdana Menteri berkata sejak sejak lebuh raya utara selatan dibina, banyak pusat pertumbuhan telah wujud dan ia secara tidak langsung menjana kegiatan ekonomi.

Pada mesyuarat APEC itu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Amerika Syariakt George W.Bush, Presiden China Jiang Zemin

dan Presiden Rusia Vladimir Putin.

-- BERNAMA

MKO ZK NAK